

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

# Raja Permaisuri Agong serah sumbangan RM30,000

## Tunku Azizah Awat hospital rehabilitasi terbesar di Asia Tenggara

**Kuala Lumpur:** Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah semalam, melawat Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC), iaitu hospital rehabilitasi terbesar di Asia Tenggara.

Ketibaan baginda disambut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan warga HRC, yang teruja bertemu mata dengan Raja Permaisuri Agong yang terkenal dengan sifat pemah dan keibuan itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Jabatan Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Dr Mujahid Ismail merangkap Pengerusi Isdat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-16; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HRC, Dr Roslan Johari Mohd Lazali.

Sifat prihatin dan keibuan Tunku Azizah terserlah, apabila baginda tidak canggung berinteraksi dengan pesakit kanak-kanak Unit Teknologi Rehab dan Wad Kanak-Kanak HRC.

Baginda meluangkan masa ki-



**Tunku Azizah Aminah Maimunah berkenan beramah mesra dengan pesakit kanak-kanak di HRC, Kuala Lumpur, semalam, sambil diiringi Dr Dzulkefly dan Dr Noor Hisham.**

(Foto BERNAMA)

ra-kira setengah jam di wad berkenaan, kelihatan terhibur dengan keletah kanak-kanak di wad itu.

Terdahulu, Raja Permaisuri Agong dihiburkan dengan persembahan muzik oleh 11 pesakit kanak-kanak di Auditorium hospital berkenaan.

Baginda kemudian menyerahkan sumbangan RM30,000 kepada HRC, bagi membantu penguru-

san hospital.

HRC yang beroperasi pada 26 April 2012, dibina bagi menjadi pusat rujukan hospital awam dan swasta, sama ada dari dalam atau luar negara dalam bidang rawatan rehabilitasi secara intensif.

Seramai 70,783 pesakit menerima rawatan di hospital itu tahun lalu, membabitkan 49.6 peratus pesakit dewasa, pesakit warga emas (31.5 peratus) dan

selebihnya pesakit kanak-kanak.

HRC menyediakan tujuh perkhidmatan rawatan, iaitu rehabilitasi neurologi, spinal, jantung, kecederaan otak, pediatrik, geriatrik dan muskuloskeletal.

Hospital itu turut menyediakan perkhidmatan terapi pemulihan anggota, terapi pemulihan cara kerja, terapi pemulihan pertuturan dan pemulihan pendengaran. BERNAMA



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

## Raja Permaisuri Agong lawat Hospital Rehabilitasi Cheras

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan melawat sebuah hospital rehabilitasi terbesar di Asia Tenggara, Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) di sini semalam.

Ketibaan baginda disambut Menteri Kesehatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan warga HRC yang teruja untuk bertemu Raja Permaisuri Agong yang terkenal dengan sifat peramah serta keibuan itu.

Turut hadir menyambut ketibaan Tunku Azizah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HRC, Dr. Roslan Johari Mohd. Ghazali.

Kunjungan Tunku Azizah

adalah sebahagian daripada program yang diatur sempena istiadat pertabalanan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai ketua utama negara, yang disempurnakan pada Selasa lalu.

Sifat prihatin dan keibuan Tunku Azizah terserlah apabila baginda tidak canggung berinteraksi dengan pesakit kanak-kanak di Unit Teknologi Rehab dan Wad Kanak-Kanak, HRC.

Terdahulu, Raja Permaisuri Agong dihiburkan dengan persembahan muzik oleh 11 pesakit kanak-kanak di auditorium hospital berkenaan.

Pada kunjungan itu, Tunku Azizah turut berkenan menyerahkan sumbangan RM30,000 kepada HRC bagi membantu pengurusan hospital berkenaan. HRC yang beroperasi pada

26 April 2012, dibina bertujuan menjadi pusat rujukan hospital awam dan swasta sama ada dari dalam atau luar negara dalam bidang rawatan rehabilitasi secara intensif.

Seramai 70,783 pesakit yang menerima rawatan di hospital itu tahun lalu terdiri daripada 49.6 peratus pesakit dewasa, pesakit warga emas (31.5 peratus) dan selebihnya pesakit kanak-kanak.

HRC menyediakan tujuh perkhidmatan rawatan iaitu rehabilitasi neurologi, spinal, jantung, kecederaan otak, pediatrik, geriatrik dan muskuluskeletal.

Hospital itu turut menyediakan perkhidmatan terapi iaitu terapi pemulihan anggota, terapi pemulihan cara kerja, terapi pemulihan pertuturan dan terapi pemulihan pendengaran. - Bernama



TUNKU AZIZAH (duduk, tiga dari kiri) bersama pesakit kanak-kanak di HRC, Cheras semalam. Hadir sama Dzulkefly (berdiri, kiri) dan Noor Hisham (berdiri, dua dari kiri).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Tunku Azizah berkenan melawat HRC



Tunku Azizah berkenan bersama pesakit kanak-kanak di Hospital Rehabilitasi Cheras semalam.

**Turut menyerahkan sumbangan bagi membantu pengurusan hospital berkenaan**

KUALA LUMPUR

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli melawat Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC), sebuah hospital rehabilitasi terbesar di Asia Tenggara semalam.

Ketibaan Tunku Azizah disambut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan warga HRC yang teruja untuk bertemu mata dengan Raja Permaisuri Agong yang terkenal dengan sifat peramah itu.

Turut hadir menyambut ketibaan Tunku Azizah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof merangkap Pengerusi Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HRC, Dr Roslan Johari Mohd Ghazali.

Kunjungan Tunku Azizah adalah sebahagian daripada program yang diatur sempena istiadat pertabalan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai ketua utama negara yang disempurnakan pada Selasa lalu.

Sifat prihatin dan keibuan Tunku

Azizah terserlah apabila Raja Permaisuri Agong itu tidak canggung berinteraksi dengan pesakit kanak-kanak di Unit Teknologi Rehab dan Wad Kanak-Kanak HRC.

Tunku Azizah yang meluangkan masa kira-kira setengah jam di wad berkenaan kelihatan terhibur dengan keletah anak-anak yang berada di wad tersebut.

Terdahulu, Raja Permaisuri Agong dihiburkan dengan persembahan muzik oleh 11 pesakit kanak-kanak di auditorium hospital berkenaan.

Pada kunjungan itu, Tunku Azizah turut berkenan menyerahkan sumbangan sebanyak RM30,000 kepada HRC bagi membantu pengurusan hospital berkenaan.

HRC yang beroperasi pada 26 April 2012 dibina bertujuan menjadi pusat rujukan hospital awam dan swasta sama ada dari dalam atau luar negara dalam bidang rawatan rehabilitasi secara intensif.

Seramai 70,783 pesakit menerima rawatan di hospital berkenaan tahun lalu terdiri daripada 49.6 peratus pesakit dewasa, pesakit warga emas (31.5 peratus) dan selebihnya pesakit kanak-kanak.

HRC menyediakan tujuh perkhidmatan rawatan iaitu rehabilitasi neurologi, spinal, jantung, kecederaan otak, pediatrik, geriatrik dan muskuluskeletal, selain menyediakan perkhidmatan terapi iaitu terapi pemulihan anggota, terapi pemulihan karakterja, terapi pemulihan pertuturan dan terapi pemulihan pendengaran. - Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : TENGAH

## Larangan merokok dilanjutkan

**SHAH ALAM** - Penguatkuasaan pendidikan larangan merokok dalam tempoh enam bulan yang sepatutnya berakhir semalam dilanjutkan sehingga akhir tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, penangguhan dibuat bagi memberi peluang secukupnya kepada perokok meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya merokok serta kawasan larangan merokok.

"Kementerian Kesihatan dalam usaha membantu kumpulan perokok melalui perkhidmatan berhenti merokok MQuit," katanya semalam.

Khalid berkata, bagaimanapun penguatkuasa penuh larangan merokok dilaksanakan 1 Januari tahun depan dan sehingga tempoh itu pihaknya akan terus giat menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara pendidikan di premis makanan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Permaisuri Agong lawat Hospital Rehabilitasi Cheras

**KUALA LUMPUR 1 Ogos** - Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan melawat Hospital Rehabilitasi Cheras di sini hari ini.

Ketibaan Seri Paduka disambut oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefli Ahmad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof dan Pengarah hospital itu, Dr. Roslan Johari Mohd. Ghazali.

Seri Paduka berkenan meluangkan masa selama sejam melawat Unit Teknologi Rehab dan Wad Kanak-Kanak serta menyampaikan cenderamata kepada pesakit.

Sempena lawatan itu, Seri Paduka turut berkenan me-

ngurniakan sumbangan sebanyak RM30,000 kepada pihak hospital yang diterima oleh Dr. Roslan.

Hospital Rehabilitasi yang mula beroperasi pada 26 April 2012 menawarkan tujuh perkhidmatan seperti rehabilitasi neurologi, spinal, jantung, kecederaan otak, pediatrik, geriatrik dan muskuluskeletal.

Hospital itu juga menyediakan empat jenis terapi iaitu Terapi Pemulihan Anggota, Cara Kerja, Pertuturan dan Pemulihan Pendengaran.

Pada tahun lalu, seramai 70,783 pesakit yang dirawat dengan nisbah 64 peratus pesakit lelaki dan 36 peratus pula adalah wanita.



**TUNKU AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH** bersama pesakit kanak-kanak di Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

# 700,000 penduduk menghidap masalah kefungsi-an teruk

**KUALA LUMPUR 1 Ogos** - Kira-kira 700,000 penduduk di negara ini mengalami masalah kefungsi-an yang teruk dan berpotensi memerlukan rawatan rehabilitasi, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata menurut kajian yang dijalankan oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2015, golongan itu adalah mereka yang mengalami penyakit atau masalah perubatan akut atau kronik antaranya serangan jantung, diabetes dan masalah genetik.

“Demografi penduduk ke arah populasi yang lebih tua menjadikan risiko untuk mendapat masalah kefungsi-an menjadi lebih tinggi. Ini meningkatkan potensi rakyat Malaysia yang mungkin akan memerlukan rawatan rehabilitasi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sembah ucapan ketika

kunjungan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang mencemar duli berangkat mengunjungi Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC), di sini hari ini.

Kunjungan Tunku Azizah adalah sebahagian daripada program yang diatur sempena istiadat pertabalan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16, yang disempurnakan pada Selasa lepas.

Dalam majlis itu, Tunku Azizah berkenan berangkat meluangkan masa menyantuni pesakit kanak-kanak di Unit Teknologi Rehab dan Wad Kanak-kanak hospital tersebut.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof

merangkap Pengerusi Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Pengarah HRC Dr. Roslan Johari Mohd. Ghazali.

Dr. Dzulkefly berkata hingga kini terdapat 69 hospital kelolaan kementerian itu di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan pakar rehabilitasi.

Katanya, sebanyak 3,324 kakitangan terlatih dalam bidang rehabilitasi

terdiri daripada jurupulih anggota, cara kerja, pertuturan dan pendengaran selain jururawat, juruteknik serta ahli psikologi klinikal.

Kes yang lebih kompleks akan dirujuk ke HRC yang menyediakan rawatan rehabilitasi yang intensif, katanya. - BERNAMA



**DZULKEFLY AHMAD**

AKHBAR : NEWS STRAIT TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEW/NATION

## Health Ministry: Reduce physical activities and stay indoors

**KUALA LUMPUR.** The public has been advised to reduce physical activities and stay indoors following reports of "unhealthy" Air Pollutant Index (API) readings in several areas in the country.

These are some of the precautionary measures issued by the Health Ministry for those affected by the haze, as reported by the Malaysian Meteorological Department (Met Malaysia).

Director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah in a statement said the public should be aware of the air quality readings in their areas and adopt measures advised by the ministry.

He said Met Malaysia reported that several states were expected to experience haze for a week starting yesterday due to forest fires in five districts in Indonesia.

"Up to 3pm yesterday, the API for the country was at a moderate level while two areas recorded unhealthy readings — in Johan Setia, Selangor and Rompin, Pahang — where open burning was spotted.

"The people are advised to be aware of the changes in the air quality reading of their areas. As safety measures, the ministry advises those who are in the ar-

eads with unhealthy air quality readings to follow preventive steps to ensure the haze does not affect their health," said Noor Hisham.

Apart from reducing physical activities and wearing face masks outdoors, the people are also urged to close windows to minimise the effect of the haze, turn on the air conditioner while driving, stay hydrated, shower fre-

quently, avoid wearing thick, tight-fitting or dark-coloured clothes and seek help immediately if they don't feel well.

For more information on the haze, visit [www.infosi-hat.gov.my/index.php/isu-se-masa/51-jerebu](http://www.infosi-hat.gov.my/index.php/isu-se-masa/51-jerebu), [www.moh.gov.my/index.php/pages/view/183](http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/183) and [www.myhealth.gov.my/cuacapanas-a-kesihatan/](http://www.myhealth.gov.my/cuacapanas-a-kesihatan/).



AKHBAR : NEWS STRAIT TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEW/NATION



**ROYAL TOUCH**

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sharing a light moment with children from the Cheras Rehabilitation Hospital, Kuala Lumpur, during her visit to the hospital yesterday. BERNAMA PIC



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

## Queen donates RM30,000 to Cheras hospital

By RAHIMY RAHIM  
rahimyr@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah has donated RM30,000 to assist the Cheras Rehabilitation Hospital here.

Her Majesty's visit was in conjunction with the installation ceremony of her husband Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah as the 16th Yang di-Per-tuan Agong.

Tunku Azizah's arrival at the hospital yesterday morning was welcomed by Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa and Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, among others.

During Her Majesty's arrival, the national anthem was played by the Royal Malay Regiment band before she signed the hospital's visitors book.

Tunku Azizah spent about 30 minutes at the hospital's technology rehabilitation unit and children's ward.

In his welcoming speech, Dr Dzulkefly said since the inception of the rehabilitation services in 1996 as a pilot project in Kuala Lumpur, the ministry had extended such initiatives to 69 hospitals under its purview.

"Aside from that, the ministry has 3,324 trained staff in the sector to give such services across the nation.

"Our ministry provides rehabilitative services at all levels which allows preventative activities and continuity rehabilitative process to be carried out effectively," said Dr Dzulkefly.

The hospital was built under the Ninth Malaysia Plan and is the first hospital in South-East Asia that provides comprehensive rehabilitation medicine services, with six wards and 166 beds.



**Caring Queen:** Tunku Azizah speaking with a patient during her visit to the Cheras Rehabilitation Hospital.

Watch video  
thestartv.com

